

Konvokesyen UTHM mampu jadi tarikan untuk pelancongan

BATU PAHAT 21 Okt. - Keunikan perarakan 'Town & Gown' sempena konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini sewajarnya dijadikan sebagai satu tarikan untuk tujuan pelancongan.

Pegawai Daerah Batu Pahat, Ab. Wahab Ridwan berkata, UTHM merupakan satu-satunya universiti tunggal di Semenanjung yang mengadakan perarakan konvokesyen sedemikian.

"Bagaimanapun saya berpendapat ia perlu dilakukan secara besar-besaran dan dengan promosi yang lebih meluas.

"Dengan jumlah alumni UTHM melebihi 15,000 orang setelah 20 tahun sejarah penuhannya, ia mampu menggamit nostalgia mereka sepanjang pengajian di sini justeru berpotensi dijadikan produk pelancongan pada skala lebih besar," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar Perarakan Town & Gown sempena majlis Konvokesyen UTHM Ke-12 dan Ulang Tahun Ke-20 universiti itu di sini semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UTHM, Prof.



AB. WAHAB RIDWAN

Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM, Prof. Dr. Wahid Razzaly dan Pendaftar UTHM, Sulam Hamid.

Menurut Mohd. Noh, perarakan itu bertujuan memaklumkan kepada penduduk tentang penganjuran Konvokesyen UTHM Ke-12 pada 3 dan 4 November ini selain simbolik hubungan erat antara warga universiti dan masyarakat setempat.

"Perarakan konvokesyen yang juga dikenali sebagai 'Communiiversity Celebration' merupakan amalan turun temurun universiti ternama seperti Universiti Princeton, Universiti Charles Stuart, Universiti St. Andrews dan Universiti Michigan Ann Arbor," katanya.

Perarakan Town & Gown di negara ini diadakan buat pertama kali di Universiti Malaysia Sabah (UMS) ketika Mohd. Noh menjadi Naib Canselor di universiti itu dan beliau kemudiannya memperkenalkan perarakan itu di UTHM.

Kira-kira 1,000 peserta menyertai perarakan kali keempat itu yang bermula puak 8.30 malam tadi dari Jalan Rahmat ke



ALUMNI UTHM turut menyertai Perarakan Town & Gown sempena Majlis Konvokesyen UTHM Ke-12 di Batu Pahat, kelmarin.

Dataran Penggaram yang diserikan pelbagai acara termasuk pertunjukan bunga api dan persembahan penyanyi, Ramlah Ram.

Tetamu-tetamu kehormat turut diarak menuju pentas lintas hormat di Jalan Rahmat dengan menaiki beca berhias yang didatangkan khas dari Melaka.

Kemuncak perarakan itu membabitkan pembacaan pengisytiharan konvokesyen oleh Sulam sebelum skrol konvokesyen diserahkan kepada Ab. Wahab.